

SEBATAN : WARISAN PENDIDIKAN ISLAM

Siti Amalina Ahmad Khairundin¹, Wan Yusnee Abdullah²

Universiti Selangor (UNISEL)

amalina@unisel.edu.my

ABSTRAK

Hukum sebatan dengan rotan ringan adalah satu bentuk perintah yang terjumlah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang diimplimen dalam sistem disiplin pelajar di sekolah. Bagaimanapun, pelaksanaan hukuman ini sering mendapat tamparan dari pelbagai lapisan masyarakat. Sehubungan itu, artikel ini ditulis bertujuan membahaskan konsep Islam yang mendasari hukuman sebatan dalam sistem disiplin sekolah. Penulisan ini juga menghuraui kesesuaian hukuman ini terhadap pelajar, dengan cara menganalisis pendapat fuqaha' terhadap hukuman sebat. Perbandingan di antara konsep sebatan dari segi undang-undang Islam dan sivil di Malaysia turut dipersembahkan. Hasil kajian mendapati matlamat hukuman sebatan dalam sistem pendidikan di sekolah adalah sejajar dengan kehendak syarak. Kajian ini penting kerana dapat menyumbang idea kepada pembinaan kerangka disiplin sekolah yang lebih bertunjangkan kepada sistem undang-undang Islam dan seterusnya memberi pandangan positif pada masyarakat terhadap hakikat perundangan Islam yang sebenar.

Kata kunci: *sebatan, pendidikan, pesalah kanak-kanak.*

Pendahuluan

Prosedur sebatan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak adalah menyamai tatacara sebatan yang dijalankan di Mahkamah Syariah. Sewajarnya, penguatkuasaan hukuman yang lebih serius terhadap pelajar perlu dilaksanakan kerana mereka berada dalam suasana bimbingan dan pendidikan. Tiada isu yang perlu dirisaukan kerana, hukuman ini perlu kepada penelitian yang khusus. Tambahan pula, Islam menganjurkan unsur-unsur pendidikan yang dituai sedari bermula dari zaman kanak-kanak.

Melihat kepada perubahan era masa kini, satu tuntutan dalam memperhalusi sistem disiplin sekolah perlu dilakukan. Artikel ini akan membincangkan secara ringkas tentang situasi semasa sebatan yang dijalankan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak serta implimentasinya di sekolah dan kedudukan sebatan terhadap pesalah kanak-kanak menurut kaca mata Islam.

Jika diamati, hukuman rotan di sekolah masih relevan bagi tujuan mendidik dan mendisiplinkan pelajar. Ini adalah buah fikiran yang dilontarkan oleh Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Komander (Kehormat) Hashim Adnan. Beliau turut menambah, walaupun banyak negara khususnya di barat sudah memansuhkan hukuman rotan di sekolah, dalam konteks negara-negara di timur termasuk Malaysia, hukuman rotan di sekolah masih diperlukan (Anon, 2015).

Hukuman Sebat di Sekolah

a. Objektif

Akta 611 dan peraturan sekolah untuk murid di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012) menggariskan tujuan sebat atau rotan sebagai satu mekanisma pentarbiahan atau pendidikan.

b. Jenis kesalahan

Akta 611 tidak menspesifikasi jenis kesalahan yang boleh dikenakan sebatan. Namun berdasarkan pengamalan hakim di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, kebanyakan pesalah kanak-kanak yang dikenakan sebatan, adalah melibatkan kesalahan serius seperti rogol dan kesalahan mengedar atau memiliki dadah berbahaya. Hukuman sebat Akta 611 dikenali sebagai sebatan dengan rotan ringan dengan sebab tatacara sebatan yang dijalankan tampak lebih ringan berbanding pelaksanaan sebatan yang dikenakan kepada pesalah Kanun Keseksaan.

Dalam melestarikan gaya hidup harmoni di institusi-institusi pendidikan khususnya di sekolah, KPM mengambil langkah pemerkasaan undang-undang yang dilihat hampir sama dengan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor (Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995). Kesalahan seperti menjadi bohsia atau bohjan, mencabul kehormatan guru atau murid dan menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar, boleh mencemarkan kredibiliti sekolah serta boleh dikenakan perintah sebatan dengan rotan ringan. Pendidikan di peringkat awal ini diharapkan dapat membentuk keperibadian pelajar agar tidak melakukan kesalahan yang lebih berat mahu pun mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang, khususnya kesalahan-kesalahan jenayah syariah.

Perundangan di sekolah juga menggariskan pemeringkatan hukuman bagi setiap kesalahan. KPM (2012) membahagikan kesalahan kepada tiga kategori iaitu kesalahan berat, kesalahan sederhana dan kesalahan ringan. Pelajar yang terlibat dengan mana-mana kesalahan daripada jenis kesalahan berat lebih diutamakan menerima hukuman sebat dengan rotan ringan. Contohnya, terbabit dengan kegiatan dadah, meminum minuman keras dan melakukan perjudian. Pengulangan buat kali ketiga bagi kesalahan sederhana seperti kesalahan keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran, turut tersenarai di bawah kategori kesalahan berat.

Hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pelajar yang mengulangi kesalahan yang sama adalah sangat wajar. Ini kerana, pelajar tersebut tidak mengambil peluang untuk memperbaiki diri malah mengulangi kesalahan yang sama buat kesekian kalinya. Pihak lembaga disiplin sekolah perlu mengambil tindakan yang bijak semasa berhadapan dengan situasi sebegini.

c. Praktikal sebatan

Cara melaksanakan sebatan dapat dilihat melalui seksyen 92 Akta 611 yang menyebut;

- (a) sebelum sebatan dilaksanakan, kanak-kanak itu hendaklah diperiksa oleh seorang pegawai perubatan untuk diperakui bahawa kanak-kanak itu dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani sebatan itu;
- (b) orang itu hendaklah menggunakan rotan yang ringan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit kanak-kanak itu;
- (c) selepas mengenakan satu sebatan, dia hendaklah mengangkat rotan itu ke atas dan tidak menariknya;
- (d) sebatan boleh dikenakan pada mana-mana bahagian tubuh kecuali muka, kepala, perut, dada atau bahagian-bahagian sulit;
- (e) kanak-kanak itu hendaklah memakai pakaian; dan
- (f) jika semasa pelaksanaan sebatan itu pegawai perubatan memperakui bahawa kanak-kanak itu tidak lagi dapat menerima baki sebatan itu, sebatan itu hendaklah diberhentikan dengan muktamad.

Sokongan kepada tatacara pelaksanaan tersebut boleh dilihat melalui;

i. Pelaksana hukuman

Situasi sekolah-sekolah di Malaysia memberi autoriti kepada guru besar atau mana-mana pihak yang dilantik dengan kuasa guru besar seperti badan disiplin sebagai pelaksana hukuman sebatan atau rotan. Kuasa yang ada pada guru besar juga boleh melantik mana-mana guru yang disukai oleh murid atau memberi peluang kepada murid yang dijatuhkan hukuman rotan untuk memilih mana-mana guru bagi melaksanakan hukuman tersebut ke atasnya. Ini kerana, hukuman yang memberi kesan kepada murid adalah hukuman yang boleh diterima atas dasar rasa hormat kepada guru.

Jika dilihat kepada undang-undang atau peraturan sekolah, hukuman sebat atau rotan adalah digalakkan pelaksanaannya sebaik sahaja kesalahan dilakukan, di samping mendahuluikan siasatan awal kesalahan (James, 2011).

ii. Alat sebatan

Akta 611 memperuntukkan saiz rotan bagi pesalah kanak-kanak adalah kurang daripada 0.5 inci atau 12mm. Apabila ditukarkan ukurannya kepada cm adalah sekitar 1.27cm atau 1.2cm. Perincian ukuran panjang atau tebal rotan tidak dijelaskan oleh KPM. Ini bermakna pihak sekolah mempunyai pilihan saiz rotan untuk melaksanakan sebatan.

Sebagai contoh, pelaksanaan sebatan dengan menggunakan saiz rotan seperti mana rotan disiplin sekolah dapat dilihat menerusi kes Ong Lai Kim lwn PP & Other Appeals ([1991] 3 MLJ 111). Pesalah dituduh dengan dua kesalahan iaitu rogol di bawah seksyen 376 dan rompak di bawah seksyen 392 Kanun Keseksaan yang membawa kepada hukuman sebatan. Hakim memutuskan pesalah dijatuhi hukuman rotan yang perlu berdasarkan peruntukan seksyen 288(iv) Kanun Prosedur Jenayah yang berkaitan pesalah muda. Peruntukan menyatakan bahawa pesalah muda yang dikenakan sebatan perlu berlandaskan sebatan secara disiplin sekolah iaitu dengan menggunakan rotan halus.

iii. Penglibatan ibu bapa

Menurut seksyen 12 (3) (b) Akta 611, ibu bapa, penjaga dan orang lain yang berkaitan dengan kes sahaja dibenarkan hadir dalam mana-mana persidangan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Turut termaktub, kebenaran yang diperuntukan bagi seorang yang bertanggungjawab untuk hadir bersama di dalam mahkamah adalah guru. Jelas di sini, ibu bapa merupakan golongan yang boleh dilibatkan semasa sesi hukuman sebatan dijalankan. Keterlibatan ibu bapa merupakan tanda keprihatinan dalam kecemerlangan akademik serta diri pelajar.

Hukuman Sebat Terhadap Kanak-kanak dalam Islam

a. Konsep Takzir

Takzir dari segi bahasa adalah menolak atau menghalang. Takzir juga boleh digunakan dengan makna pertolongan, kerana takzir menghalang musuh seseorang daripada menyakitinya. Perkataan takzir menjadi masyhur penggunaannya dengan makna memberi pengajaran dan penghinaan kurang daripada hukuman hudud (al-Zuhayli, 2004).

Takzir dari sudut istilah syarak pula ialah hukuman keseksaan syarak terhadap perbuatan maksiat atau jenayah yang tidak dikenakan hukuman hudud dan kifarat. Para fuqaha' memberikan pelbagai definisi takzir tetapi, yang boleh disimpulkan, definisi takzir menurut istilah adalah hukuman yang dikenakan atas orang yang membuat kesalahan dan maksiat atau orang yang mencuaikan kewajipan yang tidak ditetapkan hukuman keseksaannya dalam al-qur'an dan hadis atau hukuman yang dikenakan atas orang yang melakukan jenayah yang telah ditetapkan keseksaannya, tetapi tidak cukup syarat bagi mengenakan keseksaan itu (al-Ghamidi, 1992).

Berdasarkan definisi yang disebutkan, jelas di sini kanak-kanak merupakan golongan yang tidak memenuhi syarat untuk menerima hukuman hudud disebabkan beberapa faktor seperti kadar baligh. Tujuan dilaksanakan hukuman bukan sahaja untuk memberi keinsafan dan pengajaran, bahkan untuk memastikan amanah yang terpundak dibahu para pemimpin dapat dilunas dek menjaga keamanan sejagat serta memelihara keharmonian sesama masyarakat setempat.

Perlaksanaan hukuman takzir diserahkan kepada kebijaksanaan pemimpin sesuatu wilayah atau negara, di samping penelitian di peringkat awal terhadap tahap keseriusan jenayah yang dilakukan, keadaan pesalah, kebolehan hukuman yang mendatangkan kebaikan (*maslahah*) umum serta tidak bertentangan dengan nas al-Qur'an ('Audah, 1998). Hukuman tersebut sama ada berbentuk penahanan atau penjara, rotan, teguran, celaan (al-Buti, 1993) atau yang boleh juga dimaksudkan di sini, adalah sebarang hukuman yang boleh dinisbahkan dengan kadar keberatan jenayah yang dilakukan.

Sungguhpun para pemimpin mempunyai autoriti dalam menetapkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan takzir, namun golongan ini juga mempunyai kuasa pengampunan terhadap pesalah kesalahan ini ('Audah, 1998).

Hukuman rotan adalah antara jenis hukuman takzir yang terdapat dalam catatan fuqaha'. Para fuqaha' berbeza pendapat tentang kadar maksima hukuman ini. Ada pendapat yang mengatakan diserahkan kepada pemerintah untuk menentukan kadarnya kerana hukuman takzir dijatuhkan berdasarkan kepentingan awam, keadaan dan jenis jenayah yang

berlaku. Oleh sebab itu, sebat atau pukul boleh melebihi seratus kali sekalipun seberat-berat hukuman sebat atau pukul bagi jenayah hudud tidak melebihi seratus kali

Para fuqaha' juga berbeza pendapat tentang batas minima bagi hukuman ini. Ada pendapat yang mengatakan sekurang-kurangnya tiga kali rotan dan ada yang berpendapat tiada kadar minima (Ibnu Farhun, 1995; al-Kasani, 1996).

Selain itu, hukuman rotan tidak harus dilakukan pada bahagian badan yang boleh menyebabkan kerosakan bahagian itu seperti pada tengkok, muka, kemaluan, perut, dada dan kepala. Merotan juga tidak harus menyebabkan bahagian yang dirotan itu berdarah (Ulwan, 1992; Mursi, 1998).

b. Jenis kesalahan dan hukuman

Syariat Islam tidak menyenaraikan kesalahan dan hukuman takzir secara terperinci. Hukuman terhadap pesalah diserahkan kepada pemerintah Islam untuk menetapkannya berdasarkan kepentingan masyarakat umum, tahap kesalahan pesalah, keadaan masa dan tempat berlakunya kesalahan (Ibnu Farhun, 1995; al-Qarafi, 1994; al-Shirazi, 1995).

Penelitian lebih tertumpu kepada hukuman dan kadarnya yang sesuai dengan kesalahan pesalah dengan mengambil kira keadaan, peribadi, dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Pemilihan dibuat berdasarkan kesesuaian hukuman bagi pesalah. Jika pemilihan itu tidak mendatangkan kesan, maka hendaklah ditukar kepada hukuman yang lain.

Dalam keadaan tertentu, kadi harus mengenakan beberapa hukuman ke atas seorang pesalah hanya kerana satu kesalahan yang dilakukan. Keadaan ini boleh terjadi sekiranya kesalahan yang dilakukan oleh pesalah melayakkannya menerima hukuman takzir serta bersesuaian dengan keadaan dirinya dan meraikan kepentingan masyarakat umum. Kadi juga boleh bertindak dengan mengutus seorang pegawai kepada pesalah untuk memberitahunya tentang kesalahan yang dilakukan serta membawanya ke hadapan kadi untuk sesi pengadilan (al-Kasani, 1996).

c. Praktikal sebatan

i. Peralatan dan bilangan rotan

al-Quran dan hadis tidak menyatakan dengan jelas alat sebatan yang boleh digunakan semasa melaksanakan hukuman sebat kepada pesalah. Walau bagaimanapun, Ibnu Qudamah (2005) telah menyebut syarat kepada saiz alat sebatan yang digunakan adalah bersaiz sederhana.

Bilangan rotan dalam takzir adalah 3 kali. Namun, para fuqaha' berselisih pada bilangan tersebut. Walau bagaimanapun, para fuqaha' bersepakat dalam menyerahkan tanggungjawab menentukan kadar bilangan rotan atas pesalah takzir kepada pemimpin ('Ulwan, 1992).

Jika dikaji pelaksanaan dalam penetapan hukuman rotan kepada pesalah yang meminum arak, pada asalnya tiada ketetapan bilangan sebatan bagi peminum arak pada zaman Rasulullah S.A.W. Hal ini dibuktikan oleh hadis yang dilaporkan oleh Abu Hasin, bahwasanya Umair bin Sa'id berkata:

سمعت علي بن أبي طالب رضي الله عنه قال: ما كنت لأقيم حدا على أحد فيماوت فأجد في نفسي، إلا صاحب الخمر فإنه لم مات و ديته، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم لم يسنه

Maksudnya:

Aku mendengar Ali bin Abu Thalib r.a berkata, “Tidaklah aku melaksanakan suatu hukuman terhadap seseorang sehingga menyebabkannya meninggal lalu aku merasa sedih, kecuali peminum arak, kerana apabila dia meninggal, aku membayar diatnya. Hal demikian kerana Rasulullah S.A.W tidak mencontohkannya” (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-hudud, Bab al-darbu bi al-jarid wa al-ni’al).

Rentetan itu, suatu transformasi perundungan telah dilakukan sewaktu zaman Abu Bakar dan Umar yang telah menetapkan hukuman 40 kali rotan bagi peminum arak dan telah ditambah bilangan rotan kepada 80 kali rotan di akhir pemerintahan Umar. Sepertimana di dalam hadis yang dilaporkan oleh al-Sa’ib bin Yazid:

كنا نؤتي بالشارب على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم و إمرة أبي بكر فصدرا من خلافة عمر فنقوم إليه بأيدينا و نعالنا و أرديتنا، حتى كان آخر إمرة عمر فجلد أربعين، حتى إذا عتوا و فسقوا جلد ثمانين

Maksudnya:

Pernah seorang peminum arak dibawa kepada kami pada zaman Rasulullah S.A.W, Abu Bakar dan diawal pemerintahan Umar. Kami kemudian berdiri menghampirinya dengan memukul menggunakan tangan, selipar dan kain serban kami. Pada akhir pemerintahan Umar, beliau memukul sebanyak 40 kali dan ketika mereka dilihat keterlaluan dan berbuat fasik, maka Umar merotan sebanyak 80 kali (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-hudud, Bab al-darbu bi al-jarid wa al-ni’al).

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas bahwasanya syarak tidak menetapkan suatu ketetapan dari sudut bilangan mahupun alat bagi melaksanakan hukuman rotan bagi peminum arak. Pelaksanaan hukuman bergantung kepada imam atau pemerintah pada zaman tersebut dan akan mengalami perubahan mengikut situasi dan keadaan setempat.

Melihat kepada senario masyarakat pada hari ini, besar kemungkinan suatu perubahan boleh dilakukan dalam sistem disiplin pelajar sekolah-sekolah di Malaysia dengan memberatkan hukuman terutama kepada kes-kes seperti buli, gangsterisme, rogol dan kesalahan mengedar atau memiliki dadah.

ii. Tempat perlaksanaan hukuman

Para fuqaha’ membenarkan hukuman rotan atau sebat bagi kesalahan hudud diadakan di tempat terbuka, yang boleh dilihat oleh orang awam. Ini kerana bagi menimbulkan rasa takut dan pengajaran kepada masyarakat umum (al-Ansari, 2001; al-Kasani, 1997). Adapun hukuman takzir tidak menyatakan tempat yang khusus dijalankan hukuman rotan atau sebat. Hanya tempat yang tidak dibenarkan untuk dijalankan hukuman hudud yang jelas iaitu di masjid. Sebagaimana hadis oleh Ibnu ‘Abbas menyebutkan:

لَا تقام الحدود في المساجد

Maksudnya:

Janganlah laksanakan hudud di masjid-masjid (al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Diyat, Bab ma ja'a ri al-rajuli yaqtulu ibnahu yuqadu minhu am la).

Larangan ini adalah bertujuan untuk memelihara masjid daripada najis atau kotoran seperti darah dan seumpamanya (al-Zuhayli, 1989). Ini bermakna, prosedur hukuman takzir atau pelaksanaan hukuman sebat kepada pelajar boleh dilakukan dalam kawasan premis atau sekolah, atau mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh pihak-pihak yang berautoriti.

iii. Tahap kederasan rotan

Cara perlaksanaan hukuman rotan terhadap jenayah hudud tertentu adalah lebih jelas berbanding perlaksanaan terhadap jenayah takzir. Sebagai contoh, rotan yang dikenakan terhadap pesalah yang melakukan kesalahan meminum minuman yang memabukkan dan nusyuz adalah menggunakan pendekatan hukuman yang sama iaitu pendekatan mendidik (*ta'dib*). Rotan yang dikenakan mestilah tidak keterlaluan atau dengan maksud yang sama, rotan tersebut tidak menyebabkan berlakunya pendarahan, (al-Damiri, 2004; Ibnu Qudamah, 1995; al-Shafi'i, 2001; al-Shirazi, 1995) sepetimana hadis yang dilaporkan oleh Jabir r.a:

إِنْ لَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يَوْطَنُ فَرْسَكَمْ أَحَدًا تَكْرُهُنَّهُ إِنْ فَعَلَنَ فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرَبًا غَيْرَ مَرْجُحًا

Maksudnya:

Sekiranya mereka melakukannya, maka kamu boleh mendidik mereka (wanita-wanita itu) dengan pukulan yang tidak membahayakan. (Abu Daud, Sahih Sunan Abi Daud, Kitab al-manasik, Bab sifat hajat al-Nabi)

Tambahan pula terdapat hadis yang menjelaskan lagi teknikal rotan yang dilaporkan oleh Abi 'Uthman al-Nahdi:

أَتَيْ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِرْ جَلِيلٍ فِي حِدَّةٍ فَأَتَى بِسَوْطٍ فِيهِ شَدَّةً قَالَ: أُرِيدُ أَلَّيْنَ مِنْ هَذَا، فَأَتَى بِسَوْطٍ فِيهِ لَيْنٌ، قَالَ: أُرِيدُ أَشَدَّ مِنْ هَذَا، فَأَتَى بِسَوْطٍ بَيْنَ السُّوْطَيْنِ قَالَ: اضْرِبْ وَلَا يُرِي إِبْطَاقًا، وَأَغْطِ كُلَّ عُضُوٍّ حَقًّا

Maksudnya:

Telah datang seorang tukang sebat kepada Umar al-Khattab r.a. Didatangkan kepada Umar rotan yang keras. Umar berkata: Aku menghendaki rotan yang lembut daripada ini. Maka didatangkan dengan rotan yang lembut. Umar berkata: Aku menghendaki rotan yang lebih keras daripada ini. Maka didatangkan rotan yang tidak terlalu lembut atau keras. Umar berpesan: Rotanlah dan jangan diangkat tanganmu sehingga menampakkan ketiakmu. Berikanlah setiap anggota haknya. (al-Shami, Zawa'id al-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi 'ala al-Kutub al-Sittah, Kitab al-hudud, Bab ma ja'a fi sifat al-saut wa sifat al-darb)

Hadir di atas menunjukkan bahwasanya, Umar al-Khattab r.a mengarahkan pemukul yang melaksanakan hukuman rotan supaya menggunakan alat yang bersifat sederhana. Fizikal rotan adalah tidak terlalu keras mahupun lembut serta hayunan rotan yang dikenakan kepada pesalah mestilah tidak menampakkan ketiak semasa melaksanakannya. Di penghujung hadis, Umar al-Khattab r.a menyatakan bahwasanya, rotan dibenarkan pada semua bahagian anggota pesalah melainkan muka dan badan.

Oleh yang demikian, rotan berbentuk mendidik (*ta'dib*) yang dikenakan kepada isteri yang nusyuz terhadap suaminya boleh dijadikan batu asas kepada semua kesalahan berbentuk

takzir. Namun begitu, perincian yang khusus perlu dijalankan untuk diimplimen kepada kanak-kanak.

Jika disoroti, kebanyakan karya ulama' tidak memperincikan cara sebatan dengan rotan ringan yang dibenarkan oleh syarak ke atas kanak-kanak dan hanya menyerahkan kuasa hukuman kepada pemimpin keluarga mahupun masyarakat (Ibnu Farhun, 1995; al-Qarafi, 1994; al-Shirazi, 1995). Sungguhpun demikian, pendekatan mendidik (*ta'dib*) perlu diutamakan.

Tidak munasabah perlaksanaan rotan yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak sama ukurannya seperti pesalah dewasa. Ini kerana, tahap pemikiran dan persekitaran kanak-kanak masih berada dalam lingkungan sesi pembelajaran. Walau bagaimanapun, jika diperhatikan tahap kederasan rotan yang dikenakan kepada pesalah dewasa, seharusnya tidak menimbulkan kerisauan dalam kalangan pesalah kanak-kanak.

Hukuman rotan yang lebih ringan merupakan solusi kepada kes-kes serius yang dilakukan oleh pelajar yang berbentuk tidak menyakitkan, tidak keterlaluan dan bertujuan semata-mata mendidik (*ta'dib*).

Kesimpulan

Keperluan mengimplimen hukuman sebatan menurut garis panduan sekolah atau Akta 611 dilihat dapat mendidik kanak-kanak dan juga memberi ruang untuk mengaplikasi syariat secara komprehensif. Kanak-kanak akan mendapat iktibar agar tidak memandang remeh sesuatu sistem disiplin yang disusun, lebih-lebih lagi perundangan yang berkaitan dengan Syariat Islam. Tambahan pula, teori takzir yang bertunjangkan pendidikan dan pengajaran yang digarap idea oleh para fuqaha' tampak boleh dijadikan dasar bagi pendisiplinan pelajar di sekolah. Teori takzir dilihat dapat memberikan manfaat kepada kanak-kanak dari sudut memberi pengajaran kepada pesalah dan masyarakat, serta mengurangkan kadar residivisme.

Artikel ini turut membincangkan secara ringkas mengenai perbandingan hukuman sebatan antara undang-undang sedia ada di Malaysia serta pencerahan terhadap perundangan Islam yang berkaitan dengan kanak-kanak atau pesalah muda. Kajian mendapati terdapat peluang penambahbaikan serta penelitian dari sudut prosedur sebatan pelajar yang berdasarkan sistem disiplin sekolah-sekolah di Malaysia. Ini bagi memastikan keadilan dari sudut hukuman kepada kanak-kanak dapat dilaksanakan sejajar dengan kehendak Islam yang mengutamakan pendidikan di peringkat awal.

Rujukan

Abu Da'ud, Sulayman ibn al-Ash'ath al-Sijistani. (2000). *Sahih Sunan Abi Da'ud* (ed. Jil. 1 & 3). Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi'.

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). (t.t).

al-Ansari, Abu Yahya Zakariyya. (2001). *Asna al-Matalib Sharh Rawd al-Talib* (Jld. Jil. 8). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ja'fi. (2006). *Sahih al-Bukhari* (Jld. Jil. 2). Riyadh: Maktabah al-Rushd Nashirun.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (1993). *Muhadarat fi al-Fiqh al-Muqaran*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Damiri, Kamal al-Din Abu al-Baq'a' Muhammad bin Musa bin 'Isa. (2004). *Al-Najm wa al-Wahaj fi Sharh al-Minhaj*. Dar al-Minhaj.
- al-Ghamidi, Muhammad Ibnu Sa'ad. (1992). *'Uqubah al-I'dam*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- al-Kasani, 'Ala al-Din Abu Bakr bin Mas'ud . (1997). *Badai' Sanai' fi Tartib al-Syarai'* (Jld. Jil. 9). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Kasani, 'Ala al-Din Abu Bakr bin Mas'ud. (1996). *Badai' Sanai' fi Tartib al-Syari'* (Jld. Jil. 7). Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad bin Idris. (1994). *al-Dhakhira* (Jld. Jil. 12). Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Shafi'i, Muhammad bin Idris. (2001). *al-'Um* (Jld. Jil. 7). Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- al-Shami, Salih Ahmad. (2010). *Zawa'id al-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi 'ala al-Kutub al-Sittah* (Jld. Jil. 3). Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Shirazi, Ibrahim Ibn 'Ali al-Fairuz Abadi. (1995). *al-Muhadhdhab* (Jld. Jil. 3). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah . (1999). *Sunan al-Tirmidhi* (Jld. Jil. 3). Kaherah: Dar al-Hadith.
- Alwi Abdul Rahman. (2003). *Jenayah Kanak-kanak Menurut Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Jld. Jil. 6). Dimasyq: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2004). *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Anon. (2015, April 7). *Sinar Online*. Didapatkan Januari 5, 2016, daripada Sinar Online: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/hukuman-rotan-di-sekolah-masih-relevant-1.377202>
- 'Audah, 'Abdul Qadir. (1998). *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islamiy Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i* (Jld. Jil. 1). Beirut: Muassasah Risalah.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. (t.t).

Ibnu Farhun, Burhan al-Din Abu al-Wafa' Ibrahim Ibn Shams al-Din Abi 'Abd Allah Muhammad. (1995). *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-'Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam* (Jld. Jil. 2). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibnu Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah ibn Ahmad. (1995). *al-Mughni* (Jld. Jil. 7). Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibnu Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah Ibn Ahmad. (2005). *al-Muqni'* (Jld. Jil. 8 & 16). Riyadh: Dar 'Alim al-Kutub.

James, Ang Jit Eng. (2011). *Pengurusan Disiplin Murid*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1982). *Panduan bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-murid Sekolah*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012, Julai 18). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 Kuasa Guru Merotan Murid*. Didapatkan dari http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/pekeliling/2008_BTMK_135_6910_8325.pdf

Mursi, Muhammad Sa'id. (1998). *Fan Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam* (Jld. Jil.1). Dar al-Tauzi' wa al-Nashr.

Ong Lai Kim lwn PP & Others Appeals, 3 MLJ111 (1991).

'Ulwan, 'Abd Allah Nasih. (1992). *Tarbiyyat al-Awlad fi al-Islam* (ed. Jil. 2). t.t: Dar al-Salam littaba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.